



ثجابت قفاره تانه دان كخالين جوهر

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR
BANGUNAN DATO MOHAMAD SALLEH PERANG,
KOTA ISKANDAR, PETI SURAT 718,
79576 ISKANDAR PUTERI
JOHOR DARUL TA'ZIM

Pejabat Am : 07-2666880/81/82
Pengaroh : 07-2666879
Fax Pejabat : 07-2661433/40



Ruj Kami : PTG(D)15/1/3

Tarikh : 22 Jun 2020

Johor Bar Committee
No.5, Jalan Tun Abdul Razak
Susur 1/1
80000 Johor Bahru

Tuan,

CADANGAN MENGATASI MASALAH BERBANGKIT DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) DARI 10.06.2020-31.08.2020

Dengan hormatnya merujuk surat tuan bertarikh 17 Jun 2020 mengenai perkara di atas.

2. Pentadbiran ini mengucapkan terima kasih diatas cadangan pihak tuan bagi mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pihak peguam. PTG Johor memaklumkan mengenai tindakan yang telah diambil sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sebagaimana berikut:

2.1 Menambahkan bilangan nombor

Nombor giliran sedia ada perlu dikekalkan sebagaimana SOP bagi mengawal bilangan pengunjung yang berurusan dalam bangunan pada sesuatu masa.

2.2 Carian

Permohonan 'drop off' bagi carian lebih daripada 5 hakmilik yang tidak berkaitan dengan perserahan pada hari berkenaan boleh dibuat di kaunter carian bermula 18 Jun 2020. Carian akan dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bergantung kepada jumlah permohonan.

2.3 Permohonan kelulusan pindahmilik bagi tanah kurnia dan bahagian warganegara asing.

Permohonan kelulusan pindahmilik secara 'drop off' telah dilaksanakan semasa PKPB mulai 4 Mei 2020. Walaubagaimanapun pelaksanaannya tidak dapat diteruskan kerana terdapat isu dokumen yang tidak lengkap dan bayaran permohonan secara tunai. Pembantu Tadbir terpaksa menyimpan duit tunai dan cek bayaran sebelum mengeluarkan resit bayaran kerana resit hanya akan dikeluarkan apabila dokumen telah disemak dan lengkap.

Pendaftaran Hakmilik : 07-2666833 Fax : 07-2661440
Kemajuan : 07-2666844
Hakmilik Strata : 07-2666821
Teknikal : 07-2666813
Perundangan : 07-2666895

SBKS : 07-2666840 Fax : 07-2661443
Kurniaan : 07-2666853 Fax : 07-2661424
Audit Pengurusan : 07-2666832
Teknologi Maklumat : 07-2666887
Kuatkuasa : 07-2347891 Fax : 07-2347892

- 2.4 Menambahkan bilangan kakitangan pihak PTG/D selepas 9 Jun 2020 memandangkan Negeri Johor tidak disenaraikan sebagai zon merah.

Semua pegawai dan kakitangan PTG Johor telah bertugas sepenuhnya mulai 31 Mei 2020.

- 2.5 Pembukaan hari Jumaat dan Sabtu

PTG telah menjalankan operasi pada hari Jumaat (5 Jun 2020) dan Sabtu (6 Jun 2020) dan sebagai alternatif untuk menampung permintaan, kaunter penyerahan PTG telah dilanjutkan sehingga jam 5.30 petang mulai 17 Jun 2020 ditamatkan pada 23 Jun 2020 kerana berdasarkan pemerhatian setiap jam pada tempoh pelaksanaan didapati bilangan pelanggan yang hadir selepas jam 4.30 petang adalah kurang memberangsangkan.

3. Semoga tindakan yang telah dilaksanakan oleh PTG ini dapat mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan oleh pihak penguam.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(ZIHAN BINTI ISMAIL)

Timbalan Pengarah Pendaftaran
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Johor
AKB/ross/suratjohorbar